

TARIKH: 15/9/23  
SURAT KHABAR: Kosmo.  
MUKA SURAT: 16

m 8 16

Kosmo! JUMAAT 15 SEPTEMBER 2023

## Penjaja, peniaga wajib carum Perkeso

**MELAKA** – Bermula Disember depan, peniaga dan penjaja di negeri ini diwajibkan untuk mencarum skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sebelum membuat permohonan lesen baru atau memperbaharui lesen perniagaan sedia ada.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh berkata, beliau telah meminta semua pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk bekerjasama dengan Perkeso bagi memastikan inisiatif melestarikan rakyat itu dapat dilaksanakan.

Katanya, dengan caruman serendah RM46.60 setahun, skim itu dapat memberi perlindungan jangka panjang kepada mereka yang terlibat dalam sektor berkenaan.

“Kita memang mencadangkan agar semua penjaja dan mereka yang bekerja sendiri dapat dilindungi dengan perlindungan insurans serendah RM3.88 sehari.

“Jadi kita minta pihak PBT mewajibkan penjaja yang

memohon lesen baru atau memperbaharui lesen supaya mencarum Perkeso untuk diri mereka sendiri.

“Tidak sampai RM4 pun sebulan. Mereka akan mendapat perlindungan sekiranya ditimpa kemalangan dan keluarga juga dapat meneruskan kehidupan,” katanya pada Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh, di sini semalam.

Mengulas mengenai pencapaian Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA), ujar Ab. Rauf, sebanyak 9,287 aduan telah diterima bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Ogos tahun ini.

“Daripada jumlah itu 95.19 peratus atau 8,840 aduan telah berjaya diselesaikan. Sebanyak 7,286 aduan telah diselesaikan dalam tempoh 15 hari. SiSPAA merupakan usaha berterusan kerajaan negeri memperbaiki dan meningkatkan kualiti perkhidmatan awam kepada rakyat,” ujarnya.



AB. RAUF (dua dari kanan) beramah mesra bersama penjawat awam ketika Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka di MITC Ayer Keroh, Melaka semalam.